

Headline	Tabung Haji agih zakat RM2 juta untuk pelajar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	31	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	262 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,226
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,678



Tabung Haji agih zakat RM2 juta untuk pelajar

KOTA TINGGI 10 Nov. - Tabung Haji mengagihkan zakat pendidikan berjumlah RM2 juta kepada 4,000 pelajar melibatkan 178 buah sekolah terpilih di seluruh negara tahun ini.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Badlisyah Abdul Ghani berkata, sumbangan berkenaan diharap dapat menyokong usaha kerajaan membangun serta melestarikan komuniti Islam tempatan.

"Tabung Haji juga berharap sumbangan ini dapat mendorong dan memberi motivasi kepada semua penerima untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik," katanya selepas menyempurnakan Majlis Penyampaian Sumbangan Program Iqra' Tabung Haji 2016 Peringkat Negeri Johor, di sini hari ini.

Antara yang menerima sumbangan itu adalah pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar, SK Bukit Lintang, SK Mawai, Sekolah

Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Kota Jaya, SMK Taman Seri Saujana dan SMK Laksamana.

Yang turut hadir, Pengarah Tabung Haji negeri, Datuk Mohammad Mokhzani Mukhtar dan Pegawai Pendidikan Daerah Kota Tinggi, Md. Din Hussien.

Sementara itu, beliau berkata, seramai 259 pelajar dari 17 sekolah rendah dan sekolah menengah sekitar daerah ini menerima

bantuan RM500 setiap seorang menerusi Program Iqra' anjuran Lembaga Tabung Haji.

Badlisyah berkata, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu menyasarkan pelajar daripada golongan asnaf yang bertujuan membantu meringankan beban keluarga mereka.

Menurut beliau, selain Program Iqra', Tabung Haji turut melaksanakan program CSR lain seperti Program Ehsan, Program Baiti, Program Alfiat dan Program Mobiliti.



BADLISYAH ABDUL GHANI (dua dari kiri) melihat kelengkapan persekolahan yang diterima murid-murid sempena Program Iqra' Tabung Haji 2016 Peringkat Negeri Johor di Kota Tinggi, Johor, semalam. - UTUSAN/ISHAK RAHMAD